

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 22 JANUARI 2014
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Abdul Hamid Adom, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pemangku Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai), Saba' Hal 'Khair.

KATA ALU-ALUAN

Hadirin sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Sedar tak sedar kita semakin menghampiri penghujung Januari. Terima kasih saya ucapkan buat semua warga UniMAP yang sentiasa memberikan sokongan bukan sahaja kepada aktiviti senamrobik ini, malahan kepada semua aktiviti universiti yang kita anjurkan selama ini.
2. Pada hari ini kita akan melakukan sedikit pembaharuan di mana saya akan memulakan ucapan saya dengan berkongsi **Tips Kesihatan. Tips Kesihatan ini telah disediakan oleh Pusat Kesihatan UniMAP.** Saya kira ia adalah salah satu tanggungjawab yang besar untuk kita berkongsi maklumat mengenai kepentingan menjaga kesihatan kepada semua warga UniMAP.
3. Di samping memberi kesedaran akan kepentingan menjaga kesihatan diri, saya yakin perkongsian tips kesihatan ini bagi memastikan warga UniMAP sentiasa dalam keadaan sihat, cergas dan cerdas untuk melaksanakan tugas yang telah diamanahkan. InsyaAllah.

Hadirin sekalian,

MEROKOK DAN BERHENTI MEROKOK

4. Pada hari ini kita akan memulakan dengan tips bahaya merokok. Seperti yang kita sedia maklum, merokok penyebab satu daripada setiap lima kematian di Malaysia. Kira-kira 10,000 rakyat Malaysia mati setiap tahun akibat merokok. Walaupun merokok adalah satu ketagihan, tabiat buruk ini boleh dihentikan.
5. Merokok bukan sahaja memudaratkan kesihatan perokok namun turut membahayakan orang di sekitarnya. Ini adalah kerana asap sekunder adalah berbahaya kepada kesihatan kanak-kanak, kanak-kanak yang belum lahir, ahli keluarga dan rakan sekerja. Berhenti merokok mengurangkan risiko Kanser paru-paru, Penyakit Jantung, Strok dan Penyakit pernafasan.
6. Statistik merokok di kalangan orang dewasa Malaysia berumur 15 tahun dan ke atas kian meningkat dan **49%** daripada semua lelaki dewasa kini perokok semasa. Di UniMAP, dianggarkan sehingga kini **50% daripada kakitangan lelaki** merupakan perokok semasa.
7. Menyedari hakikat ini, UniMAP telah menyediakan perkhidmatan **Klinik Berhenti Merokok mulai awal 2013**. Profesional Penjagaan Kesihatan dapat memainkan peranan aktif dalam membantu perokok untuk membebaskan diri daripada ketagihan tembakau mereka. **Sila hubungi mana-mana Pusat Kesihatan UniMAP serta cawangannya** untuk pertanyaan lanjut mengenai perkhidmatan ini. Marilah kita bersama-sama mewujudkan **Kampus Bebas Asap Rokok**, sekaligus mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif.

Hadirin sekalian,

8. Apabila kita memutuskan untuk memperkenalkan Tips Kesihatan bermula pada minggu ini, sebenarnya ia adalah untuk melahirkan rasa penghargaan kepada warga UniMAP. hal ini kerana, UniMAP banyak meraih kejayaan dalam pelbagai bidang. Tidak tertumpu kepada bidang akademik semata-mata. Malah kita juga hebat di bidang penyelidikan,

sukan dan banyak lagi. Tetapi itu semua tidak mungkin akan tercapai tanpa sumbangan daripada warga UniMAP sekalian.

9. Pasti semua sedia maklum bahawa, kejayaan-kejayaan yang kita capai dari semasa ke semasa telah melonjak nama UniMAP ke peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, namun pencapaian cemerlang universiti ini tidak akan bermakna tanpa sokongan warga universiti ini.
10. Saya percaya dengan kesihatan terbaik yang dimiliki oleh warga UniMAP dan sokongan padu melalui prestasi kerja yang jitu sebagai kakitangan awam amnya dan sebagai kakitangan universiti ini khasnya, kita mampu memacu UniMAP ke arah universiti yang berdaya saing dan disegani di pelbagai peringkat institusi sama ada dalam dan luar negara.
11. Saya percaya masih belum terlambat untuk kita memasang tekad dan azam bagi tahun 2014 ini untuk lebih berdaya maju sekaligus menjadikan UniMAP bukan sahaja terkenal dengan kejayaan-kejayaan yang dikehendaki malah warganya terkenal kerana kecemerlangan prestasinya.
12. Seiring daripada itu, kita harus sentiasa memuhasabahkan diri dan sentiasa mengenalpasti kelemahan-kelemahan diri kita agar kita dapat memperbaiki kekurangan dan seterusnya dapat meningkatkan jati diri kita dalam menghadapi rutin harian dan ini dapat memperlihatkan sokongan tidak terhingga kita kepada UniMAP ini.

PROGRAM YANG TELAH BERLANGSUNG

13. Baru-baru ini bersempena **Majlis Malam Mesra Media 2013** lalu, kita telah menandatangani satu **Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara UniMAP dan Galaxy Group of Companies (GGOC)**, iaitu sebuah syarikat di bawah The Associate Companies of Galaxy Automation Sdn Bhd dan Scientific Technical Products Sdn Bhd yang memberi fokus dalam bidang teknologi kejuruteraan.

14. GGOC diwakili Timbalan Pengurus Kumpulannya, Mr Tony Tee Boon Chai manakala saya sendiri mewakili UniMAP untuk menandatangani perjanjian berkenaan bagi menjalankan kerjasama dalam membangunkan program-program berkaitan teknologi kejuruteraan untuk kebaikan semua pihak. Pada majlis itu juga turut diadakan penyerahan surat perlantikan kepada GGOC sebagai ahli panel penasihat industri universiti (PPIU) berperanan untuk memberi bimbingan dan panduan dalam misi serta perancangan strategik UniMAP.

Hadirin yang dihormati,

PENUTUP

15. Rasanya tidak perlu untuk saya berucap dengan lebih panjang lagi, semoga apa yang saya sampaikan pada pagi ini akan menjadi iktibar serta dapat meningkatkan semangat kita semua bagi mengharumkan nama UniMAP di masa akan datang.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.